

# Sukan MASUM berjaya

*Pelbagai pihak beri sumbangan gilap bakat atlit IPTA*

Oleh Nur Ekmal Buhary  
bhvarsiti@bharian.com.my

**K**EJOHANAN sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa II dikendalikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama lapan hari menutup tirai 30 Mei lalu menyaksikan penyertaan semua 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

Majlis penutup kejohanan disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Hadir sama Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhammad Muda.

Komitmen dan kerjasama diberikan semua pihak, ternyata menjadikan pengajaran dikendalikan 120 tenaga sukarelawan terdiri daripada pelajar dan pegawai sukan mampu menyatukan semua institusi dalam memajukan sukan negara.

Selain komitmen tinggi MASUM dan USIM, sokongan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan penaja menyumbang kepada kemegahan kejohanan fasa kedua ini.

Syarikat minuman terkemuka, Permais Sandilands Sdn Bhd (Permais) melalui minuman berjenama isotonic *Revive* menjadi penaja minuman rasmi kejohanan itu. Asia Pasific Sdn Bhd pula melalui barangan



**DR MUHAMAD** (dua dari kanan) menerima sumbangan penaja sukan MASUM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

sukan berjenama *Molten* pula menyediakan peralatan sukan sepanjang acara berlangsung.

Penolong Pengurus Acara dan Penajaan Permais, Dinseh Kumar, berkata sumbangan itu adalah sebahagian tanggungjawab syarikat mempromosikan jenama

*Revive*.

Beliau berkata, pihaknya kagum dengan kesungguhan MASUM dan USIM menjayakan program yang dilihat dapat meningkatkan kualiti atlit di menara gading.

Katanya, sebagai warga korporat prihatin wajar

pihaknya menaja keperluan bagi menjayakan program berkenaan dan bersedia memberi sumbangan untuk kejohanan seterusnya.

Sementara itu, wakil syarikat Asia Pasific Sdn Bhd, Kamaruzaini Ibrahim, berkata komitmen MASUM menganjurkan program

berkenaan dilihat sebagai langkah bijak dalam menyuntik semangat atlit di IPTA terus cemerlang.

"Kami melihat aktiviti sedemikian sebagai landasan terbaik generasi muda di kampus sebagai pelapis atlit sedia ada. Proses awal ini dilihat sebagai pe-

**“**Kami melihat aktiviti sedemikian sebagai landasan terbaik kepada generasi muda di kampus sebagai pelapis atlit sedia ada. Proses awal ini dilihat sebagai pemangkin kecemerlangan seterusnya di peringkat antarabangsa”

**Kamaruzaini Ibrahim**

Wakil syarikat Asia Pasific Sdn Bhd

mangkin kecemerlangan seterusnya di peringkat antarabangsa,” katanya.

Kejohanan fasa kedua itu menyaksikan Universiti Teknologi Mara mempertahankan kejuaraan apabila mengutip 18 emas meninggalkan pencabar terdekat, Universiti Putra Malaysia yang sekadar memperoleh sembilan emas diikuti tuan rumah, USIM di tempat ketiga dengan tujuh emas.